

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 19 MEI 2015

RUJUKAN : 7861

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng[Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa repot polis telah dibuat berhubung kumpulan yang mengadakan bantahan pada bulan April terhadap lambing salib di Petaling Jaya, berapa orang terbabit dalam kumpulan itu dan status tindakan undang-undang yang diambil oleh Kerajaan terhadap mereka bagi memastikan insiden sebegini tidak berulang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius tentang kes-kes jenayah yang berlaku dalam negara terutama yang melibatkan keselamatan dan keharmonian negara. Siasatan akan dijalankan tanpa mengira sama ada ianya dilakukan oleh individu berpengaruh atau sebaliknya. Berhubung dengan isu perhimpunan bagi membantah kewujudan gereja di kawasan Taman Medan di Metro Square Taman Medan, Petaling Jaya, pihak polis telah membuka kertas siasatan berkait Petaling Jaya Repot 5415/2015 di bawah Seksyen 448/511 Kanun Keseksaan atas kesalahan cuba melakukan pencerobohan bangunan pada 20 April 2015.

Sebanyak 5 laporan polis telah dibuat berkenaan isu ini dan dalam kejadian tersebut terdapat lebih kurang 40 orang telah hadir dan berkumpul di kawasan tersebut. Pihak polis masih dalam proses melengkapkan kertas siasatan sebelum diedarkan kepada pihak Pejabat Peguam Negara untuk tindakan lanjut. Kementerian tidak bercadang untuk mengulas lebih lanjut mengenai perkara ini dikhuatiri boleh menjejaskan proses siasatan yang sedang dijalankan.